



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**MERINYU PERANCANG KANAN (C.2 EB.3)
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**MERINYU PERANCANG KANAN
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang *Architectural Design and Technology / Architecture and Town Planning / Civil Engineering / Computer Studies / Geographical Information Systems / Geography and Development / Land Use Planning / Town and Country Planning / Urban and Regional Planning / Urban Design* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perancang Bandar dan Desa dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Pembantu Perancang Bandar dan Desa Tingkat I atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.4 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sebagai Kerani Pendaftaran Perancang Bandar dan Desa atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sebagai Pembantu Perancang Bandar dan Desa Tingkat II atau Merinyu Perancang atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu pegawai-pegawai atasan dalam mengendalikan kerja-kerja pemeriksaan terhadap tapak-tapak perancangan, permohonan-permohonan kemajuan tanah dan bangunan dengan memberikan laporan-laporan yang terperinci mengenainya;



2. Mengendalikan pemeriksaan bersama terhadap permohonan-permohonan kemajuan sebelum sokongan bekalan perkhidmatan dibuat;
3. Menerangkan, mengatur dan mengawasi dari semasa ke semasa tugas-tugas Merinyu Perancang dan Pembantu Perancang Bandar dan Desa Tingkat I dan II;
4. Menyemak dan meneliti serta mengulas laporan-laporan Merinyu Perancang dan Pembantu Perancang Bandar dan Desa Tingkat I dan II sebelum dihadapkan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan;
5. Membantu dalam kerja-kerja penguatkuasaan; dan
6. Melaksanakan arahan-arahan pegawai atasan dari semasa ke semasa.